

Kemasukan pelajar-pelajar perintis

KE KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) BAGI SESI KEMASUKAN 2002/2003

PERLIS, 6 Jun 2002 - Telah berlangsung majlis penyerahan surat tawaran rasmi kemasukan pelajar-pelajar baru ke Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Majlis penyerahan surat tawaran tersebut telah disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Seri' Shahidan bin Kassim, Menteri Besar Perlis kepada pelajar-pelajar dari zon utara telah diadakan di Dewan Residensi, Kangar. Seterusnya pada 20 Jun 2002, seramai 119 orang pelajar-pelajar sulung KUKUM telah mendaftarkan diri bagi sesi pertama akademik 2002/2003. Sebagai permulaan, dua buah program ijazah telah ditawarkan kepada para pelajar iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Mikroelektronik) dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Komputer). Bermula dari tarikh tersebut sehingga 23 Jun 2002, maka bermulalah minggu orientasi di mana para pelajar sulung ini telah diberi pendedahan dan panduan mengenai kehidupan seorang mahasiswa dan mahasiswi bagi sesebuah institut pengajian tinggi.

